

Gotong-royong elak denggi, chikungunya

S.A 02/02/09 M/S 12



Penduduk yang mengikuti program gotong-royong yang diadakan sebagai langkah membendung penularan wabak denggi dan Chikungunya.

AFDAH MUJAP

KELANA JAYA - Bagi mengelakkan penularan wabak denggi dan demam chikungunya, penghuni Blok N, Flat Taman Desaria Fasa 5B di sini, mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar flat tersebut.

Pengarah program, Anuar Ramlee berkata, aktiviti berkenaan merupakan siri pertama gotong-royong mencegah

denggi dan chikungunya bagi tahun ini dan akan diteruskan dari masa ke semasa.

Menurutnya, peningkatan kes denggi dan chikungunya yang membimbangkan di negeri ini, menyebabkan Persatuan Penduduk mengambil langkah proaktif membersihkan kawasan semak dan air bertakung yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

“Tujuan kita mengadakan gotong-royong ini adalah untuk

membasmi tempat pembiakan nyamuk Aedes di samping untuk kebaikan dan keselesaan penduduk serta mengindahkan lagi kawasan persekitaran di blok ini.

“Kita perlu sedar, wabak denggi jika tidak dibendung boleh menyebabkan kematian dan langkah berjaga-jaga perlu dilaksanakan agar masalah berkenaan dapat di atasi,” katanya kepada Sinar Harian semalam.

Anuar berkata, program komuniti seumpama itu berupaya memupuk semangat kerjasama di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara penduduk.

Katanya lagi, kes denggi dan chikungunya yang membimbangkan memerlukan peranan semua penduduk untuk menghapuskan wabak itu.

“Program seperti ini dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain, memandangkan penduduk dapat berkumpul beramai-ramai dan bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar flat ini.

“Namun kita sedikit kecewa, jumlah penduduk yang menyertai gotong-royong ini tidak seperti yang dijangkakan walaupun notis pemberitahuan telah dikeluarkan selama seminggu,” katanya.

Beliau berharap pada program yang akan datang, semua penduduk di blok berkenaan dapat melibatkan diri dalam apa jua aktiviti komuniti yang dianjurkan.